

Ulasan Oleh Pengarah Urusan Dan Ketua Pegawai Eksekutif

“Tahun 2026 membawa makna istimewa kepada Kumpulan Public Bank kerana Kumpulan meraikan ulang tahunnya yang ke-60. Ini menandakan satu pencapaian penting yang melambangkan kecemerlangan Kumpulan dalam industri perbankan selama 60 tahun, serta membuktikan pertumbuhan yang berdaya tahan dan mampan.”



Tahun 2025 dipenuhi cabaran global yang tidak dijangka dan peristiwa yang membawa perubahan. Ketidaktentuan meningkat selepas Amerika Syarikat mengumumkan perubahan ketara dalam dasar tarif, sekali gus menimbulkan kebimbangan kemungkinan berlakunya kemelesetan ekonomi global. Risiko geopolitik yang semakin serius turut menyumbang kepada perpecahan global. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tarif mereda berikutan rundingan yang berlangsung selama beberapa bulan.

Dari sudut transformasi digital, teknologi inovatif berkembang dengan pesat dan mengubah kehidupan orang ramai pada kadar yang belum pernah berlaku sebelum ini. Namun, kemunculan teknologi baharu turut mengakibatkan pendedahan kepada risiko baharu dan jenayah siber.

Pada peringkat domestik, Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang stabil walaupun berdepan dengan cabaran berterusan. Ini disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan eksport yang berdaya tahan. Selain itu, langkah proaktif Bank Negara Malaysia untuk mengurangkan Keperluan Rizab Berkanun pada bulan Mei 2025 dan Kadar Dasar Semalaman pada bulan Julai 2025 turut menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam keadaan ini, persekitaran operasi kekal kondusif untuk inovasi dan pertumbuhan dalam sektor perbankan. Walaupun persaingan dalam pelbagai segmen perniagaan semakin sengit, Kumpulan Public Bank mengekalkan prestasi yang membanggakan, bersandarkan kepada asasnya yang teguh dan turut disokong oleh pertumbuhan bersinergi dalam perniagaan perbankan terasnya.

MEMACU PERTUMBUHAN MAMPAN

Pada tahun 2025, Kumpulan Public Bank mencapai satu lagi keputusan kewangan yang membanggakan. Keuntungan sebelum cukai Kumpulan Public Bank meningkat sebanyak 6.8% kepada RM9.54 bilion, melepasi paras RM9 bilion buat kali pertama.

Disokong oleh budaya kecekapan kos dan pengurusan berhemat yang telah lama diterapkan, keuntungan bersih milik pemegang saham meningkat sebanyak 1.1% kepada RM7.22 bilion. Kumpulan Public Bank terus mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju dalam industri perbankan Malaysia dengan pulangan ekuiti bersih tertinggi sebanyak 12.8%.

Kecekapan operasi kekal sebagai kekuatan utama Kumpulan dengan nisbah kos kepada pendapatan sebanyak 34.9%, jauh lebih baik berbanding dengan nisbah kos kepada pendapatan industri perbankan sebanyak 45.2%.

Pada tahun 2025, Kumpulan Public Bank terus mencatatkan pertumbuhan stabil dalam perniagaan pembiayaan terasnya. Jumlah pinjaman kasar Kumpulan meningkat sebanyak 5.1%, dengan peningkatan pinjaman domestik sebanyak 5.9%.

Kumpulan Public Bank terus menyokong pemilikan kediaman dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.8% dalam pembiayaan hartanah kediaman domestik. Sementara itu, pembiayaan PKS domestik Kumpulan terus mencatatkan kemajuan yang ketara dengan pertumbuhan sebanyak 10.6%. Pembiayaan sewa beli domestik juga mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 10.1%.

Berikutan pencapaiannya, Kumpulan Public Bank berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju pasaran, dengan bahagian pasaran masing-masing sebanyak 20.1%, 18.7% dan 32.8% dalam segmen pembiayaan domestik bagi hartanah kediaman, PKS dan sewa beli.

Aset kualiti Kumpulan Public Bank terus berada pada tahap yang kukuh dengan nisbah pengurangan nilai kasar sebanyak 0.51%, jauh lebih baik berbanding dengan nisbah industri sebanyak 1.37%. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman sebanyak 149.9% juga lebih tinggi berbanding dengan nisbah industri sebanyak 84.8%, sekali gus menunjukkan pendekatan pengurusan risiko Kumpulan yang berhemat.

Jumlah deposit Kumpulan Public Bank meningkat sebanyak 3.2% dan deposit domestik meningkat sebanyak 3.8% pada tahun 2025. Walaupun berdepan dengan persaingan sengit dalam pasaran deposit, Kumpulan terus mencapai kedudukan pendanaan yang baik, dengan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti sebanyak 84.1% pada tahun 2025, membuktikan keyakinan tinggi para pelanggan terhadap jenama PB.

Menyokong perniagaan pembiayaan dan deposit terasnya, Kumpulan Public Bank mencapai setahun lagi prestasi yang menggalakkan dalam pendapatan bukan faedah, dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 15.2% yang sebahagian besarnya didorong oleh perniagaan pengurusan kewangan, pendapatan pelaburan serta turut disokong oleh pendapatan insurans am daripada Kumpulan LPI Capital Berhad ("LPI") yang baharu diambil alih.

Public Mutual, subsidiari milik penuh Kumpulan Public Bank mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju industri unit amanah persendirian runcit domestik dengan bahagian pasaran sebanyak 43.6% (tidak termasuk dana pasaran wang) pada akhir tahun 2025. Selain itu, Public Mutual turut mencatatkan nilai aset bersih dana yang lebih tinggi di bawah pengurusan sebanyak RM106.35 bilion dan mengekalkan keuntungan sebelum cukai yang stabil sebanyak RM850.6 juta.

Insurans am adalah satu lagi segmen utama yang menyumbang kepada pendapatan bukan faedah Kumpulan Public Bank. Berikutan kejayaan pengambilalihan 44.15% kepentingan dalam Kumpulan LPI pada bulan Disember 2024, Kumpulan LPI telah menyumbang sebanyak RM408.7 juta kepada keuntungan sebelum cukai Kumpulan Public Bank bagi tahun kewangan 2025.



MAJU DALAM PERSEKITARAN YANG KOMPETITIF

Dengan pelbagai cabaran global yang menimbulkan risiko kepada ekonomi dan persaingan yang semakin sengit dalam industri perbankan domestik, 2025 merupakan tahun yang mencabar untuk bank.

Dalam keadaan ini, Kumpulan Public Bank kekal fokus kepada tujuannya – menyokong semua lapisan masyarakat dengan kebolehcapaian kepada perkhidmatan kewangan yang bersesuaian dan berpatutan – melalui penambahbaikan berterusan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangannya yang komprehensif di samping memajukan perkhidmatan perbankan digital.

Pada tahun yang sama, Kumpulan Public Bank terus meningkatkan tawaran produk dalam perniagaan pembiayaan dan deposit terasnya bagi memenuhi permintaan pelanggan. Produk khusus ditambah baik bagi memenuhi keperluan segmen pelanggan tertentu seperti golongan profesional muda, perniagaan kecil dan pelanggan berpendapatan tinggi.

Memanfaatkan peluang pasaran, tahun 2025 juga menyaksikan Kumpulan Public Bank memantapkan usahanya untuk meningkatkan pendapatan bukan faedah. Pada tahun tersebut, di samping meningkatkan usaha dalam perniagaan unit amanah dan bankasuransnya, Kumpulan melancarkan satu siri produk berstruktur baharu iaitu *Callable Range Accrual* dan menambah baik tawaran pelaburan emasnya bagi memenuhi permintaan pelanggan yang sentiasa berubah.

Selain itu, Kumpulan Public Bank turut memulakan usaha berfokus untuk meningkatkan komunikasi dengan pelanggannya melalui pelbagai jerayawara pelaburan, seminar PKS dan kempen penglibatan pelanggan di serata negara.

Digitalisasi terus menjadi pendorong utama pertumbuhan Kumpulan Public Bank. Berikutan pelancaran MyPB Web dan MyPB App yang diperbaharui, Kumpulan terus mengembangkan potensi platform perbankan digitalnya dengan menawarkan kemudahan yang ditambah baik, antara muka yang lebih intuitif dan pengalaman perbankan menyeluruh yang lancar. Pelanggan boleh membuka akaun simpanan secara dalam talian dan menikmati lebih banyak perkhidmatan gaya hidup dengan hanya satu klik.

Kumpulan Public Bank turut memanfaatkan teknologi inovatif seperti Kecerdasan Buatan dan Pembelajaran Mesin untuk mengoptimumkan proses operasi dan meningkatkan produktiviti. Walau bagaimanapun, tatkala Kumpulan meneroka penggunaan teknologi yang membawa perubahan, memastikan keselamatan data pelanggan dalam ruang digital kekal sebagai satu keutamaan.

Dalam mencegah penipuan, selain memperkukuh perlindungan dalaman terhadap penipuan, mendidik masyarakat tentang pencegahan penipuan adalah amat penting. Pada tahun 2025, PB Scam Rangers Kumpulan Public Bank – satu pasukan bergerak yang terdiri daripada pakar keselamatan siber – terus menjelajah ke serata negara untuk mendidik orang awam mengenai kesedaran tentang aktiviti penipuan. Pasukan tersebut turut menganjurkan webinar dan mengambil bahagian dalam jerayawara di serata negara melalui kerjasama dengan pihak luar yang berkepentingan seperti universiti dan pihak berkuasa berkaitan bagi meningkatkan penglibatan dalam inisiatif pencegahan penipuan ini.

Langkah proaktif oleh Kumpulan Public Bank ini membuahkan hasil apabila lebih daripada 390,000 akaun keldai disenaraihitamkan pada akhir tahun 2025. Kumpulan berjaya menghalang lebih daripada 1.5 juta pelanggan daripada menjadi sasaran serta menghentikan lebih daripada 4.5 juta cubaan urus niaga daripada disalurkan kepada akaun keldai penipuan, yang jumlahnya dianggarkan mencapai RM1.98 bilion.

MENGUTAMAKAN KOMITMEN MELEBIHI KEUNTUNGAN

Kejayaan Kumpulan Public Bank berakar umbi daripada warga kerja dan tujuannya. Bagi menyokong momentum pertumbuhannya, Kumpulan terus melabur dalam program pembinaan kapasiti untuk kakitangannya dengan mengutamakan peningkatan kemahiran dalam bidang kritikal seperti digitalisasi, kelestarian dan pematuhan bagi memastikan warga kerjayanya sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran yang akan datang dan boleh menyumbang dengan berkesan kepada keutamaan strategik Kumpulan.

Selari dengan sasaran kelestarian jangka panjangnya, Kumpulan Public Bank terus memperluas inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) seperti yang diperincikan dalam Laporan Kelestarian.

Pada tahun 2025, Kumpulan Public Bank meningkatkan usahanya di bawah Pelan Penyahkarbonan dengan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan pelepasan karbon, meningkatkan pemberian pembiayaan lestari dan menyokong pelanggan dalam peralihan kepada operasi rendah karbon.

Kumpulan Public Bank juga berjaya memperuntukkan lebih daripada RM77 bilion pada akhir tahun 2025 berbanding dengan sasarannya iaitu pembiayaan lestari sebanyak RM100 bilion menjelang tahun 2030.

Menjadi penanda aras kepada masyarakat dalam mengurangkan pelepasan karbon operasi, Kumpulan setakat ini telah berjaya melengkapkan pemasangan solar lebih daripada 40% di cawangan-cawangan milik Public Bank di Malaysia. Inisiatif ini akan ditingkatkan lagi dan akan melibatkan lebih banyak cawangan di serata negara sebagai sebahagian daripada pelan pemasangan panel solar berskala besar di 135 buah cawangan.

Pada tahun 2025, usaha berterusan Kumpulan Public Bank dalam memacu pembangunan lestari sekali lagi diberi pengiktirafan daripada penerbitan media utama pada peringkat serantau.

The Asset mengiktiraf kemajuan Kumpulan Public Bank dengan menamakan Public Bank sebagai Bank Terbaik bagi Pembiayaan Lestari di Malaysia di The Asset Triple A Awards 2025 dan Anugerah Emas di The Asset Corporate Sustainability Leadership Awards 2025.

Kumpulan Public Bank turut dianugerahkan dengan Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik Asia dan Anugerah Asia Lestari oleh Corporate Governance Asia.

MEMBINA KEPERCAYAAN HARI INI, MEMASTIKAN PERTUMBUHAN MASA HADAPAN

Meninjau ke hadapan, unjuran ekonomi Malaysia kekal positif, disokong oleh ekonomi domestik yang berdaya tahan dan langkah proaktif Kerajaan dalam menarik pelaburan asing.

Tatkala landskap kewangan terus berkembang, Kumpulan Public Bank akan terus berpegang teguh kepada prinsip terasnya iaitu ketelitian, profesionalisme dan integriti – prinsip yang telah menjadi panduan perjalanannya sepanjang enam dekad.

Tahun 2026 membawa makna istimewa kepada Kumpulan Public Bank kerana Kumpulan meraikan ulang tahunnya yang ke-60. Ini menandakan satu pencapaian penting yang melambangkan kecemerlangan Kumpulan dalam industri perbankan selama 60 tahun, serta membuktikan pertumbuhan yang berdaya tahan dan mampan.

Kejayaan ini merupakan hasil usaha bersama para pemegang saham, pelanggan, kakitangan dan komuniti Public Bank. Kami juga merakamkan penghargaan tulus ikhlas kepada Bank Negara Malaysia dan pihak berkuasa berkaitan atas bimbingan berterusan dan sokongan yang tidak luntur. Kami benar-benar menghargai sokongan daripada semua pihak yang berkepentingan dengan kami.

Meninjau ke hadapan, Kumpulan Public Bank komited untuk terus memantapkan reputasinya sebagai sebuah bank yang dibina atas kepercayaan. Dengan asas yang kukuh, pelaksanaan berdisiplin dan keyakinan daripada pihak yang berkepentingan dengannya, Kumpulan akan terus membina pertumbuhan dan memperkukuhkan kepercayaan, hari ini dan untuk generasi-generasi akan datang.

Tan Sri Dato' Sri (Dr) Tay Ah Lek

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif